

SULIT
1103/1
BAHASA
MELAYU
KERTAS 1
NOVEMBER
2002
1 1/2 JAM

1103/1

PERSIDANGAN KEBANGSAAN-PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2002

TINGKATAN EMPAT

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

Satu jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan

1. *Kertas soalan ini mengandungi enam soalan.*
2. *Jawab satu soalan sahaja.*
3. *Jawapan hendaklah melebihi 350 perkataan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan rumi atau jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 2 halaman bercetak

1. Baru-baru ini anda bersama ibu bapa anda berkesempatan menghadiri majlis konvokesyen di sebuah universiti tempatan. Anda menemani kakak anda yang akan menerima ijazah di majlis tersebut.

Gambarkan suasana dan pengalaman yang anda dapat dalam majlis tersebut.

2. Seorang rakan anda yang berada di luar negara telah mengutus sepucuk surat kepada anda untuk mengetahui usaha kerajaan negara kita dalam menangani masalah pencemaran alam.

Jawab surat rakan anda selengkapnya.

3. Pencapaian atlet negara kita dalam lapangan sukan masih belum dapat dibanggakan jika dibandingkan dengan atlet negara Asia yang lain. Anda telah berkesempatan bertemu dengan seorang tokoh sukan tanah air bagi mengetahui punca kelemahan tersebut dan langkah mengatasinya..

Sediakan teks wawancara itu selengkapnya.

4. Usaha menyatupadukan rakyat di negara ini perlu dilakukan demi menjaga keharmonian rakyat berbilang kaum. Nyatakan langkah-langkah yang boleh dilakukan bagi menjayakan usaha murni tersebut.
5. Anda sebagai seorang Pegawai Kesihatan Daerah telah dijemput untuk menyampaikan ceramah di sebuah sekolah bersempena " Hari Kesihatan Sedunia". Tajuk ceramah anda ialah penularan penyakit berbahaya dan langkah mengatasinya.

Sediakan teks ceramah anda selengkapnya.

6. Anda mempunyai seorang kenalan yang miskin dan cacat penglihatan. Kerajinan dan ketabahannya telah membawanya ke tangga kejayaan. Anda berminat untuk menulis sebuah cerpen tentang kisah kawan anda itu untuk dimuatkan dalam majalah sekolah anda.

Tulis cerpen itu selengkapnya.

KERTAS SOALAN TAMAT